KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	-			

Jadikan Taman Negara Pahang destinasi pelancongan astro





Zety Sharizat adalah Ketua Pusat Astrofizik dan Aplikasi Sinaran (CAAR), Institut Sains Universiti Teknologi MARA (UiTM), manakala Nur Naffhatun adalah Ketua Astronomi Islam dan Astrofizik Suria (IASA) UiTM

Oleh Prof Madya Dr Zety Sharizat Hamidi dan Prof Madya Dr Nur Naffhatun Md Shariff
bhrencana@bh.com.my

Taman Negara Pahang yang dahulunya dikenali sebagai King George V National Park, diiktiraf sebagai hutan hujan tropika tertua dunia dan diangarkan berusia 130 juta tahun.

Fakta ini menjadikannya sebagai antara kawasan perlindungan rasmi pertama dan tertua di negara kita. Taman Negara Pahang bukan sahaja kaya dengan flora dan fauna, malah tarikan geologikal unik.

Tidak hairan jika Taman Negara Pahang menjadi antara destinasi ekopelancongan popular di negara ini.

Di sebalik keunikan yang menjadi tarikan pelancong itu, terdapat satu lagi daya penarik pelancongan yang belum diteroka di Taman Negara Pahang, iaitu pelancongan astro.

Pelancongan astro yang juga dikenali sebagai pelancongan cakerawala, pelancongan astronomi atau pelancongan bintang, adalah potensi pelancongan lestari tanpa mengorbankan alam sekitar.

Melalui pelancongan ini, orang awam akan melawat tempat berpotensi mencerap fenomena cakerawala dengan mata kasar dan secara mampan.


Kebiasaannya hal berkaitan dengan astronomi seperti bintang, hujan meteor atau komet menimbulkan minat orang ramai.

Namun, kualiti langit malam baik, iaitu gelap diperlukan untuk memerhatikan fenomena mengagumkan itu hingga sebarang pencemaran cahaya pastinya tidak dialu-alukan.

Jika diperhatikan di negara ini, pelancongan astro jarang diperkatakan atau terhad kepada lawatan ke balai cerap, walaupun ia sebenarnya lebih luas daripada itu dan masyarakat perlu meluaskan ufuk pemikiran.

Pelancongan astro boleh dilihat sebagai pemacu kepada pelancongan mampan dan bertanggungjawab kerana ia pelancongan mesra alam yang memberi nilai tambah kepada sosial, ekonomi dan pemuliharaan.

Malah, di luar negara, konsep pelancongan itu menjadi tarikan utama seperti di India yang kempen pelancongannya turut mempromosi pelancongan astro sebagai sempadan baharu untuk pelancongan berasaskan alam semula jadi.



Taman Negara Pahang kaya dengan flora dan fauna serta antara destinasi ekopelancongan popular. (Foto hiasan)

Baru-baru ini, ahli kumpulan penyelidikan yang menjadi sebahagian ekspedisi saintifik anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkesempatan untuk melaksanakan kajian astronomi di Taman Negara Pahang.

Fokus kajian itu adalah mengenai kualiti langit malam atau juga dikenali sebagai kecerahan langit malam atau *night sky brightness* (NSB). Penyelidikan itu menggunakan meter kualiti langit atau *sky quality meter* (SQM) dan kamera DSLR.

Ukur bacaan magnitud (mag/arkasaat2) diambil untuk dibandingkan dengan imej yang dirakam oleh kamera.

Bacaan magnitud menunjukkan kualiti langit malam baik di Taman Negara Pahang, sekali gus mengatasi bacaan di stesen kajian lain, iaitu dengan mencatatkan julat 22-24 magnitud.

Sebagai bandingan, kualiti langit malam kurang baik ialah 18 magnitud ke bawah yang menjadikan dapatan ini sebagai sangat mengujakan.

Malah, melihat imej daripada kamera DSLR sahaja sudah membuatkan umum terpaku dengan kecantikan langit malam.

Justeru, berdasarkan kajian awal di Taman Negara Pahang, kerajaan diharapkan dapat mewartakan Taman Negara Pahang sebagai rizab langit gelap (*dark sky reserve*) yang pertama di negara ini.

Bagi memastikan hal itu tercapai, rizab langit gelap antarabangsa seperti di Aoraki Mackenzie, New Zealand yang berjaya boleh dijadikan model pelancongan amalan terbaik.

Apa yang penting, pelancongan astro bukan sahaja dapat merancakkan industri pelancongan di negara ini. Bahkan kita dapat mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), sekali gus seiring dengan Dasar Angkasa Negara 2030 yang dirangka sebelum ini.